

Penuntut buktikan tendangan Faiz tak ajaib

MELAKA 13 Jan. - Jaringan tercantik dunia 2016 oleh Mohd. Faiz Subri yang menerima Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) di Zurich, Switzerland telah menarik perhatian pelbagai pihak, termasuk ahli fizik untuk mengkajinya.

Kemenangan itu turut melonjakkan nama pemain Pulau Pinang itu yang menjadi sebutan di media sosial selain turut menerima pujian daripada ramai bintang dan legenda bola sepak dunia.

Keunikan jaringan itu juga telah menarik minat pelajar fizik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mohd. Hafizudin Kamal, 23, untuk membuat kajian mengikut teori fizik dan matematik.

Menurutnya, jaringan menakjubkan Mohd. Faiz itu sebenarnya tidak melanggar hukum fizik, dan boleh dibuktikan dengan mengguna pakai teori Kesan Magnus (*Magnus Effect*).

"Ada yang mengatakan tendangan itu sebenarnya semacam nasib, namun untuk buktikannya saya telah mendapat ilham untuk mem-



MOHD. HAFIZUDIN KAMAL menunjukkan pengiraan matematik dan fizik yang dilakukannya terhadap tendangan Mohd. Faiz Subri di Melaka semalam.

buat pengiraan matematik dan fizik bagaimana hal tersebut terhasil.

"Secara ringkas, kiraan ini menggunakan prinsip keabadian tenaga dan momentum iaitu menekankan aspek di mana sepekan

Mohd. Faiz bermula dan waktu paling kritikal ketika bola berada di ketinggian paling maksimum di mana waktu itu berlakunya kesan tolakan angin dari arah bertentangan yang menyebabkan



PENGIRAAN matematik dan fizik yang dilakukan oleh Mohd. Hafizudin Kamal ke atas tendangan Mohd Faiz Subri.

bola melencong sebegitu rupa.

"Bagaimanapun, keterangan dalam kiraan tersebut masih banyak yang boleh dikaji dengan lebih terperinci," katanya yang mengambil masa hingga tujuh jam untuk menyiapkan kiraan tersebut.